



# Konvoi Kembara Singgah Sahur edar 700 bungkus makanan

Sebanyak 700 bungkus makanan untuk bersahur diedarkan kepada rumah anak-anak yatim dan petugas yang berkhidmat sepanjang malam dalam program Kembara Singgah Sahur Penyayang anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Greener's Tok Gajah Exora Owner Car Club Malaysia (EOCM), Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dan Kelab Penyayang UMP.

Program yang diadakan sekitar Kuantan itu pada 24 Jun 2016 yang lalu turut mendapat sokongan daripada UMP Advanced Education (UAE), Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan KTM Pahang Rider.

Acara bermula selepas pelepasan konvoi yang disempurnakan Timbalan Naib Canselor UMP (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin di perkarangan Dataran UMP Kampus Gambang yang juga dihadiri Presiden EOCM, Zairy Lazran Asli.

Dalam program ini, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Pahang, Dato' Haji Shafik Fauzan Haji Sharif turut sama hadir mengedarkan makanan kepada petugas di Hospital Besar Tengku Ampuan Afzan (HTAA).

Pada kali ini, konvoi singgah di pejabat Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan, Rumah

Kebajikan Seri Permai Taman Tas, Rumah Anak Yatim Hembusan Amal Kasih Sayang, Balai Bomba Indera Mahkota, Casa Harapan dan Rumah Anak Yatim Permata Camar.

Menurut Profesor Dato' Dr. Yuserrie, dengan berkonsepkan singgah mesra sambil menyerahkan sumbangan juadah bersahur.

"Program kali ini juga memfokuskan kepada petugas yang menjaga keselamatan dan ketenteraman awam serta kecemasan seperti di hospital selain menzahirkan semangat kesukarelawanan membantu golongan yang memerlukan."

"Program ini adalah sebahagian daripada inisiatif UMP dalam menyokong Program MyGift UMP dan agenda kesukarelawanan dalam menjadi universiti komuniti."

"Penglibatan pelajar dan staf UMP termasuk komuniti setempat ini dapat merapatkan hubungan antara peserta dan masyarakat luar serta memahami kehidupan bermasyarakat dan memupuk nilai-nilai murni dan jati diri peserta," katanya.

Sementara itu, bagi Zairy Lazran, penglibatan pihaknya dalam konvoi seperti ini yang masuk tahun kedua memberi kesempatan pihak kelab kereta Exora membawa keluarga bersama-sama bertemu dengan warga tuan, anak-anak yatim dan komuniti setempat.

Manakala menurut Pengarah Program, Amira Mohd. Mustafa dari Kelab Penyayang UMP berkata, penganjuran program ini adalah sebagai salah satu usaha mendekatkan diri mahasiswa untuk membantu masyarakat tanpa mengira umur dan bangsa.

"Dalam masa yang sama, mahasiswa dapat menimba pengalaman yang baharu dengan berpeluang bersahur bersama-sama serta memupuk kesedaran para peserta betapa pentingnya kasih sayang untuk dirasai oleh anak-anak yatim di Rumah Kebajikan Permata Camar ini," katanya.

Program turut dimeriahkan dengan penglibatan seramai 40 pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) Tun Abdul Razak Pekan.

Sebanyak 45 kereta Exora dan 10 motosikal mengiringi konvoi dalam memastikan makanan dapat sampai ke destinasi tepat pada masanya.